

JUN 2022

FGV

# cassia

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT



PERUBAHAN IKLIM:

# KOD MERAH DUNIA



# CORETAN GCEO

## GCEO'S JOTTINGS

Warga FGV Sekalian,

Dunia kita sedang berhadapan dengan krisis perubahan iklim yang ketara akibat daripada pelepasan gas rumah hijau yang tidak terkawal. Krisis ini telah menyebabkan peningkatan risiko perubahan cuaca yang ekstrem, banjir, kebakaran dan gelombang haba yang melampau. Peningkatan suhu global kini sudah berada di paras 1.1 °C berbanding dengan purata suhu sebelum era perindustrian.

### Sejarah dan Visi Syarikat

Dalam memahami peranan kita dalam menangani perubahan iklim, saya merasakan penting untuk kita mengingatkan diri kita akan sejarah dan tujuan asal penubuhan FGV. Sejak awal penubuhan syarikat ini, matlamat kita adalah unik dan berbeza daripada kebanyakan entiti korporat yang lain.

FGV ditubuhkan sebagai sayap pelaburan FELDA yang berasaskan prinsip pembangunan lestari dalam memacu pembangunan dan pembentukan negara maju. Hari ini, visi FGV masih berpandukan tujuan asal penubuhan syarikat, iaitu merealisasikan matlamat pembangunan lestari di peringkat nasional dan global. Dalam merealisasikan visi ini, setiap usaha dan gerak kerja kita mestilah selaras dengan visi syarikat yang mensasarkan FGV sebagai sebuah syarikat pertanian dan pengeluar makanan yang mampan di peringkat global.

### Pelepasan Gas Rumah Hijau

Faktor utama perubahan iklim adalah pelepasan gas rumah hijau yang berpunca daripada kegiatan manusia. Gas-gas ini, yang pada asalnya mampu diimbangi oleh fungsi kawasan tadahan karbon seperti hutan dan lautan, terus kekal bebas di atmosfera bumi dan memerangkap haba daripada matahari hingga menyebabkan pemanasan global.

Seperti syarikat-syarikat lain, FGV turut menyumbang kepada pelepasan gas rumah hijau melalui pengendalian operasi kita. Di FGV, pelepasan gas rumah hijau atau karbon berlaku terutamanya daripada rawatan sisa kilang minyak sawit (POME), penjaan tenaga daripada sumber asli, penggunaan elektrik, penggunaan baja di ladang dan pembakaran bahan api kenderaan.

Walaupun Malaysia hanya melepaskan 0.7 peratus daripada jumlah gas rumah hijau sedunia, negara-negara yang terletak di garisan khatulistiwa seperti Malaysia lebih terjejas dengan kesan-kesan buruk daripada perubahan iklim. Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua, ancaman perubahan iklim tidak mengenal batas sempadan. Maka, kita bertanggungjawab untuk meyumbang kepada usaha nasional dan global dalam menangani kesan buruk perubahan iklim.

### Ancaman Perubahan Iklim

Kini, minyak sawit masih kekal sebagai minyak sayuran yang paling efisien dan mampan dari segi penghasilan

minyak per hektar tanah. Minyak sawit turut menjadi salah satu bahan asas untuk pelbagai produk di seluruh dunia, menjadikan kebergantungan kepada minyak ini terus kekal di tahap yang tinggi. Oleh itu, kelangsungan bekalan minyak sawit memberi kesan secara langsung kepada jaminan keselamatan dan bekalan makanan di peringkat global.

Sebagai salah satu pengeluar minyak sawit mentah terbesar di dunia, kelangsungan operasi perniagaan FGV adalah penting untuk memastikan kestabilan jaminan makanan dunia di samping mengukuhkan ekonomi negara melalui perdagangan minyak sawit di peringkat global.

Alhamdulillah, operasi FGV pada hari ini masih stabil dan kukuh meskipun kesan buruk perubahan iklim makin kerap melanda dan menguji Malaysia. Walau bagaimanapun, melalui kewujudan risiko perubahan iklim yang makin ketara, FGV harus mengukuhkan strategi dan kemampuannya dalam menghadapi perubahan cuaca yang ekstrem dan kesan-kesan buruk perubahan iklim yang lain.

### Usaha FGV Tangani Perubahan Iklim

Sebagai entiti yang berteraskan pembangunan lestari dan perusahaan yang beretika, usaha kita untuk menangani ancaman perubahan iklim mestilah berlandaskan pelan yang tulus, proaktif, dan berteraskan sains iklim terkini. Kita tidak boleh bersikap lepas tangan dan hanya bercakap kosong dalam menangani krisis ini kerana kita tidak mahu terjadi seperti 'sudah kalah baru berkubu'.

Dalam mengemudi usaha ini, kita telah menerima pakai Pelan Tindakan Perubahan Iklim yang berasaskan sains iklim terkini. Pada September 2021, FGV telah menandatangani ikrar sasaran karbon sifar bersih berpandukan sains sebagai sokongan kepada kempen 'Race to Zero' yang dianjurkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pencapaian ini adalah satu kejayaan besar buat FGV kerana kita adalah syarikat pengeluar makanan dan pertanian pertama di Malaysia yang komited untuk mengurangkan pelepasan karbon dengan menggunakan pendekatan sasaran berpandukan sains.

Selain itu, dengan terbentuknya Unit Tindakan Perubahan Iklim di bawah dukungan Bahagian Kelestarian Kumpulan, FGV kini mempunyai tadbir urus dan pengurusan tindakan perubahan iklim yang lebih baik. Dengan sokongan daripada seluruh warga FGV, kita akan terus memperkasa program-program di bawah Pelan Tindakan Perubahan Iklim yang telah dilancarkan sejak 2021.

### Cabaran Masa Hadapan

Krisis ini adalah kod merah untuk kita. Sejarah, tujuan asal dan visi kita sewajarnya menggalakkan kita untuk menjadi sebahagian daripada solusi kepada isu ini. Saya berharap agar kesemua anak syarikat di bawah Kumpulan FGV dapat memberikan komitmen yang jitu dan konsisten kepada inisiatif-inisiatif yang dilancarkan oleh Kumpulan dalam usaha menangani perubahan iklim. Hal ini penting bagi merealisasikan sasaran FGV untuk menjadi syarikat karbon sifar bersih menjelang pertengahan abad ini. Saya yakin usaha kita akan membuahkan hasil sekiranya semua pihak bersatu dan berganding bahu menghadapi krisis perubahan iklim masa kini.

Sekian, terima kasih.

**Mohd Nazrul Izam Mansor**

**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV**

## EDITORIAL

### PENAUNG

Mohd Nazrul Izam Mansor

### PENASIHAT

Vincent Chui Tee Suan

### EDITOR

Isnan Fitri Mohd Azmi

### PENGURUS PROJEK

Ili Diyana Amirrudin

### PENULIS

Nur Affifah Baharim  
Nurul Sakinah Abd Aziz  
Nurul Eisha Khairul Annuar  
Zuhairi Zakaria  
Mahamood Mubarak Ali

### PEREKA GRAFIK

Mohamad Hariz Hassan  
Mohd Nazzim Kamsaim



### TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan  
FGV Holdings Berhad NO 200701042133  
(800165-P)

Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

[fgvhldings.com](http://fgvhldings.com)

## FGV Catat Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) Sebanyak RM501 Juta Bagi TK2022

FGV mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM501 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac 2022, peningkatan ketara berbanding RM15 juta tahun lepas. Prestasi ini dipacu oleh margin produk sawit yang lebih tinggi, operasi hiliran, pembajaan dan prestasi perniagaan logistik yang lebih baik. Bagi suku yang dikaji, harga purata minyak sawit mentah (MSM) adalah RM5,058 setiap tan metrik (MT), iaitu 59 peratus lebih tinggi daripada harga purata MSM pada S1 TK2021 sebanyak RM3,172 setiap MT.

Berita selanjutnya: <https://bit.ly/3M3WnnJ>



## MPC - FGV Meterai Kolaborasi Melestarikan Produktiviti Sektor Perladangan

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) terus komited menjalin kolaborasi dengan FGV bagi membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama dalam melaksanakan program peningkatan produktiviti di peringkat sektor perladangan FGV. Kolaborasi pintar ini dijangka mampu mewujudkan pekerja contoh dengan pemikiran baharu dan tingkah laku yang menyokong transformasi holistik sektor perladangan negara selain turut dapat membina suasana kerja yang positif agar perniagaan dapat beroperasi dengan lancar.

Berita selanjutnya: <https://bit.ly/3zoqPQf>



## MSM Fokus Pada Pelan Pemulihan Di Sebalik Kos Pengeluaran Utama Yang Meningkat

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) kekal fokus untuk mengekalkan pelan pemulihannya di tengah-tengah peningkatan elemen kos pengeluaran utama iaitu gula mentah, pengangkutan, gas asli dan pertukaran asing. Pengeluar jenama gula bertapis nasional "Gula Prai" telah pulih dengan prestasi kewangan yang lebih baik sejak 2020 walaupun menghadapi cabaran pasaran.

Berita selanjutnya: <https://bit.ly/3xle6BA>



## FGV Tingkatkan Kesedaran Pesawah Untuk Kawal Tikus Perosak Secara Lestari Melalui Penggunaan BUTIK S Di Bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP)

FGV Agri Services Sdn Bhd (FGVAS) memperkenalkan BUTIK S, produk kawalan perosak tikus generasi pertama yang dapat digunakan secara integrasi bersama burung pungguk jelapang di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP). BUTIK S adalah umpan berbongkah anti penggumpalan yang dirumus daripada beberapa bahan yang sesuai dengan pemakanan tikus, berat yang sesuai, bentuk dan warna umpan yang menarik menjadikannya lebih digemari tikus di setiap peringkat tanaman padi.

Berita selanjutnya: <https://bit.ly/3mxfzjy>



## FGV Tarik Minat Generasi Muda Di Hari Terbuka Kementerian Pendidikan Malaysia

Sempena Majlis Jalinan Mesra Aidilfitri dan Hari Terbuka Kementerian Pendidikan Malaysia yang berlangsung pada 29 Mei bertempat di Pekarangan Kompleks E, Putrajaya, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan. FGV turut menyertai majlis sebagai pempamer dengan mengetengahkan tema Kenali Sawit.

Program ini bertujuan untuk menarik minat generasi muda mengenai kepentingan tanaman sawit sebagai sumber pendapatan negara di samping memberi pendedahan awal penghasilan produk-produk berasaskan sawit.

Selain itu, Program Konservasi Beruang Matahari turut dipromosikan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan hidupan liar selaras dengan komitmen FGV untuk menjadi sebuah syarikat perladangan bersepadu yang mampan.

Seramai lebih 25,000 tetamu dari pelbagai bangsa hadir meluangkan masa hujung minggu mereka ke majlis ini. Tapak pameran



FGV turut dikunjungi YB Datuk Dr Radzi Jidin, Menteri Kanan Pendidikan.

## MSM Perkukuh Komitmen Pelihara Alam Sekitar



MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) memperkukuhkan komitmen terhadap inisiatif hijau dalam memelihara dan memulihara alam sekitar dengan menanam 200 pokok bakau di Pusat Pendidikan Kecil Hutan Paya Laut yang terletak di Sungai Acheh, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Program penanaman pokok bakau dengan kerjasama strategik anak syarikat milik penuhnya, MSM Prai Bhd (MSM Prai) dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang dan Persatuan Kebajikan Nelayan-Nelayan Pantai Pulau Pinang (PIFWA) adalah usaha berterusan daripada acara tahun lalu, yang menyaksikan 700 anak pokok bakau telah ditanam di

Pulau Pinang pada tahun ini.

Katanya, penanaman pokok bakau ialah pendekatan mesra alam berkesan dengan faedah dari segi pemuliharaan ekosistem yang luas termasuk melindungi kualiti air, menstabilkan tebing sungai, memupuk habitat ikan dan penyumbang kepada mitigasi perubahan iklim.

MSM kekal teguh dalam usaha untuk memastikan program kemampanan dan rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) kami mencapai matlamatnya dan hasil terbaik dalam jangka masa panjang. "MSM benar-benar komited untuk

pesisir kilang MSM Prai.

Syed Feizal Syed Mohammad, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, berkata MSM Prai bersedia untuk menanam 1,000 pokok bakau secara berperingkat di kawasan khusus untuk penanaman pokok dan bakau di

memenuhi komitmen ESG dan melangkah lebih jauh dengan melantik Jaguh ESG dalam kalangan warga MSM untuk memacu dan menyokong usaha ESG kumpulan.

"Ini adalah bukti bahawa setiap individu di MSM memainkan peranan aktif dalam mengimbangi keperluan antara operasi perniagaan dan memelihara alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan.

Selain menanam pokok bakau, MSM Prai turut menyumbang dana kepada Pusat Pendidikan Hutan Bakau untuk kerja-kerja pembaikan gerbang pintu masuk dan titi laluan. Turut hadir pada majlis itu ialah Azman Shah Ismail, Timbalan Pengarah JAS Pulau Pinang, Hasni Ahmad, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MSM, Cheah Poh Lye, Ketua Operasi MSM Prai, Ilias Shafie, Presiden PIFWA, pengurusan kanan kumpulan serta pelajar Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Bertam, Pulau Pinang.

Berita selanjutnya:  
<https://bit.ly/3O3UBEB>

Realising



## CAKNA IKLIM @ FGV

Menelusuri perkembangan terkini mengenai perubahan iklim dan usaha FGV dalam menghadapi cabaran perubahan iklim.

### Perubahan Iklim: Hulu Malang Pangkal Celaka



Penglibatan industri sawit dalam mendukung usaha menangani perubahan iklim adalah faktor penting untuk menjamin kejayaan sasaran tindakan iklim di peringkat nasional dan global.

Isu perubahan iklim semakin hangat diperkatakan susulan tragedi besar dan bencana seperti banjir, kebakaran, gelombang haba dan perubahan cuaca ekstrem yang berlaku di dunia termasuk di Malaysia.

Perubahan iklim hari ini berlaku akibat pemanasan global berpunca pelepasan gas rumah hijau hasil kegiatan manusia sejak era perindustrian, terutamanya daripada penggunaan bahan api fosil untuk sumber tenaga serta

disebabkan pembangunan ekonomi yang tidak lestari dan memusnahkan alam sekitar.



### Usaha FGV Menghadapi Perubahan Iklim

#### Pelan Tindakan Perubahan Iklim FGV

FGV telah melancarkan Pelan Tindakan Perubahan Iklim yang merangkumi enam (6) fokus utama – tadbir urus iklim, pengurusan karbon, pengurusan sisa, pengurusan air, kecekapan operasi, dan kesedaran perubahan iklim – sebagai strategi utama syarikat untuk mengurangkan pelepasan karbon dan mengadaptasi kesan buruk perubahan iklim.

#### Sasaran Berpanduan Sains

Usaha FGV untuk menghadapi perubahan iklim adalah berdasarkan garis panduan berasaskan sains iklim terkini. Hal ini penting untuk memastikan usaha FGV membuahkan hasil untuk menyokong sasaran global dan bukanlah komitmen kosong sahaja.

Untuk maklumat lanjut dan kolaborasi berkaitan isu perubahan iklim, sila hubungi Unit Tindakan Perubahan Iklim (Climate Action Unit) di [climateaction@fgvholdings.com](mailto:climateaction@fgvholdings.com)

## Pejabat FGV Prodata Systems Cawangan Pengerang Kini Dibuka Secara Rasmi

Pada 2 Jun, FGV Prodata Systems bersama-sama FGV Transport Services dan Felda Travel telah menganjurkan majlis perasmian pejabat Cawangan Pengerang di Bandar Penawar, Johor. Pejabat tersebut telah dirasmikan oleh Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengerusi Kumpulan FGV.

Majlis tersebut turut dihadiri, Haji Kasmuri Sukardi dan Dato' Shahrol Anuwar Sarman, selaku wakil ahli Lembaga Pengarah Kumpulan FGV, Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, barisan pengurusan kanan dan petugas-petugas. Majlis turut diserikan juga dengan kehadiran Ketua Peneroka Wilayah Johor serta barisan exco.

Pejabat ini dibuka bertujuan sebagai pusat operasi bagi petugas-petugas FGV Prodata Systems yang bertugas di

PRPC-UF (Petronas Refinery & Petrochemical Corporation Utilities & Facilities) yang dianugerahkan projek oleh Petronas bagi menguruskan infrastruktur telekomunikasi dan menyelenggara sistemnya di sana (*Telecommunication Infrastructure & Systems Maintenance*).

Menurut Ali Mustafa, Ketua Pegawai Eksekutif FGV Prodata Systems, pejabat FGV Prodata di Cawangan Pengerang ini juga akan menjadi pejabat alternatif atau pejabat operasi utama kepada PRPC-UF, sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini terhadap Kompleks RAPID Pengerang.



Dengan adanya dua lagi anak syarikat FGV yang berkongsi pejabat di sana iaitu FGV Transport Services yang juga berkolaborasi dengan pihak Petronas, dan Felda Travel, ia bukan sahaja menjadi pusat operasi FGV Prodata tetapi akan menjadi pusat urusan logistik dan pelancongan untuk daerah Pengerang.

## Sistem Timbang FGV Prodata Systems Terima Pensijilan Antarabangsa Kelulusan Rekabentuk Daripada SIRIM-NMIM



SIRIM - National Metrology Institute of Malaysia (NMIM) telah menyampaikan Sijil Kelulusan Rekabentuk (*Pattern Approval*) bagi perisian alat timbang kepada FGV Prodata Systems bagi *Weighbridge Management System*

Timbang dan Sukat 1972 di mana objektif akta ini adalah untuk mengawal selia timbang dan alat timbang dan sukat.

Tujuan kelulusan ini adalah untuk memastikan perisian timbang dan

(WBS) di dalam satu majlis yang telah diadakan oleh pihak mereka di Hotel & Pusat Konvensyen Movenpick pada 19 Mei. WBS ini telah pun diguna pakai di kilang-kilang FGV Plantation Industries.

Keperluan sijil ini adalah untuk mematuhi Akta

sukat dan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan mematuhi dan mendapat kelulusan reka bentuk dan spesifikasi yang ditetapkan oleh Penyimpan Timbang dan Sukat.

Dr. Osman Zakaria, Pengarah Kanan, NMIM dan Ali Mustafa, Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Prodata Systems telah menyampaikan ucapan aluan bagi pihak masing-masing.

Majlis penyerahan sijil kelulusan rekabentuk tersebut telah disaksikan oleh Azman Ahmad, Pengarah Bahagian Kumpulan, Perniagaan Logistik & Sokongan, Sektor Perniagaan Logistik & Sokongan, FGV.

## Majlis Graduasi Lean Six Sigma Anjuran Transformation Management Office



Pada 24 Mei, *Transformation Management Office* telah menganjurkan Majlis Graduasi *Lean Six Sigma* di Wisma FGV. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV.

Dalam ucapannya, Nazrul berkata pensijilan *Lean Six Sigma Green Belt* berupaya membantu menghasilkan produk berkualiti yang konsisten,

mengoptimumkan operasi harian, memperjuangkan kemampunan dan menjanjikan proses perniagaan yang lancar. Beliau turut menekankan tentang kepentingan perubahan yang berterusan kerana pensijilan ini datang dengan tanggungjawab untuk mewujudkan *ripple effect* terhadap syarikat-syarikat yang lain.

Ahli Pengurusan FGV yang turut hadir adalah Azman Ahmad, Pengarah Bahagian Kumpulan, Perniagaan Logistik & Sokongan, Sektor Perniagaan Logistik & Sokongan, FGV, Mohd Jainal Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Perkhidmatan Pengangkutan FGV dan Hasni Ahmad, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan MSM Malaysia Holdings Bhd.


Ketika majlis, 25 *Green Belts* dan 12 *Project Sponsors and Champions* telah dianugerahkan sijil pencapaian selepas tujuh bulan menjalani latihan dan bimbingan oleh MBizM Sdn Bhd, serta sesi *Tollgate Review* dengan pihak pengurusan syarikat masing-masing.

Melalui Program *Lean Six Sigma Green Belt*, 10 projek telah dibangunkan secara progresif dan dipantau secara berterusan oleh *Transformation Management Office* untuk memastikan impak yang mampan kepada Kumpulan FGV.

## KOMIK

### Siri Gas Rumah Hijau

ILUSTRASI OUEH IIR DR GIBSON TAN





### Dr. Larry Wong, World Bank Lawat SMART SBB MAFI FGV

Dr. Larry Wong berkongsi pengalaman di World Bank Group di mana beliau terlibat dalam pembinaan pengairan kawasan IADA Barat Laut Selangor. Beliau juga melahirkan rasa bangga kerana FGVIF mampu mengeluarkan Beras Wangi Malaysia melalui kaedah SMART SBB.



### Penghantaran Ladang'57 Chuping Harumanis GOLD Yang Pertama

Ladang'57 memperkenalkan Chuping Harumanis GOLD yang pertama kali ditanam di FGV Chuping Agro Valley. Jualan buah ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan.



### Melaka Go Digital

Pelancaran 'Melaka Go Digital' merupakan satu peristiwa penting bagi Gogopasar di Ayer Keroh, Melaka dalam memacu pendigitalan dalam koperasi sekolah.

## AKTIVITI FGVIF



### Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kedah 2022

Bertemakan 'Makanan Terjamin Negara Lestari, Terima Kasih Wira Agro Kedah'. Penganjuran kali ke-17 buat julung kalinya, ALMA menyertai acara ini. Sebanyak 159 gerai mengambil bahagian yang terdiri daripada agensi-agensi di bawah MAFI dan badan-badan berkanun.



### Majlis Penyerahan Perjanjian Ladang Kontrak Tanaman Jagung Manis

Ladang seluas 20 ekar untuk memenuhi permintaan dari pasaran domestik yang sangat memberangsangkan.



### Unit Padi & Beras, FGVIF Ikuti Kursus Penggunaan Rice Smart Wheel dan Komponen Hasil

Puan Suhaila daripada Jabatan Pertanian Titi Serong berkongsi ilmu berkaitan komponen hasil dan cara penggunaan *Rice Smart Wheel* untuk mengira potensi hasil padi. Satu alat yang praktikal untuk digunakan dan memudahkan perancangan penanaman pada musim hadapan dengan berpanduan pada data dan maklumat musim semasa.

# Ain Dekatkan SAJI Dengan Pengguna Melalui Dunia Digital



Siti Nur'Ain Syahirah Hamdan telah bekerja di FGV selama enam tahun. Memulakan kerjayanya di FGV sebagai Pegawai Media dan Digital Media, Ain masih mengingati detik-detik ketika ditemu duga oleh barisan pimpinan tertinggi FGV.

“Sewaktu temu duga pada 2016, mereka bertanya apa perubahan yang saya boleh lakukan untuk syarikat.

“Saya maklumkan idea untuk membawa FGV memasuki dunia media sosial dan digital,” katanya.

Tambah Ain lagi, dunia digital khususnya media sosial berjaya mendekatkan FGV, khususnya SAJI dengan pengguna.

“Kita dapat berinteraksi dengan pengguna melalui mesej langsung (DM), komen dan sebagainya, yang membolehkan kita baiki kekurangan dan beri apa yang pengguna mahukan,” katanya.

Selain itu, menurut Ain disebabkan media sosial juga, jenama SAJI menjadi

tular melalui video raya “Mangkuk Tingkat Mak Teh”.

“Mangkuk Tingkat Mak Teh bukan sahaja tular di Malaysia tetapi juga di Singapura dan Indonesia, kerana penonton menyukai jalan cerita yang dipaparkan, apatah lagi apabila ianya diinspirasi daripada kisah benar,” katanya.

Setakat ini, video raya SAJI, Mangkuk Tingkat Mak Teh telah mencatat lebih 2.7 juta tontonan di Youtube, manakala iklan raya SAJI tahun ini, Raya Dulu-dulu, menerima lebih 2.1 juta tontonan di laman penstriman video itu.

Di sebalik kejayaan merealisasikan perubahan digital di FGV, Ain turut berdepan

beberapa cabaran antaranya perlu meyakinkan pihak atasan mengenai kepentingan media sosial, yang pada ketika itu masih belum digunakan secara meluas di Malaysia.

“Ketika pertukaran pimpinan atasan, saya perlu kembali meyakinkan mereka kenapa kita perlu ada akaun media sosial sebagai medium untuk mendengar dan mendekati pengguna,” katanya.

Sementara itu, ditanya mengapa memilih untuk bekerja dengan FGV, Ain mengakui sudah lama memasang angan-angan untuk bekerja di syarikat itu, seperti yang dihasratkan ibunya.

“Setiap kali lalu di Jalan Tun Razak ketika zaman belajar dahulu, ibu sering membakar semangat saya dengan meminta saya bekerja di Menara Felda dan akhirnya ia menjadi kenyataan.”



## Dedikasi Seorang Bapa



Mohd Zahir Mohd Zubir, berusia 40 tahun telah berkhidmat di kumpulan FGV selama hampir dua dekad. Bertugas di dalam Jabatan Pengurusan Fasilitas sememangnya mencabar dan berisiko tinggi terutamanya penyelenggaraan elektrik seperti *power trip*.

Selaku petugas teknikal dan penyelenggaraan, beliau sentiasa diingatkan tentang perihal keselamatan. Dengan

pengalaman yang dimiliki oleh beliau semua itu dapat diatasi dengan baik namun harus terus kekal berwaspada dengan apa jua keadaan.

Selain menjawat jawatan sebagai petugas dalam bidang teknikal dan penyelenggaraan, Zahir juga turut aktif dalam beberapa unit sukarelawan FGV seperti AJK surau Wisma FGV, ahli Persatuan Bomba Sukarelawan FGV dan juga setiausaha Kelab Sukan FGV Zon Kuala Lumpur.

Di samping itu, sebagai seorang bapa yang mempunyai lapan orang anak, Zahir harus bijak mengatur masa. Antara tuntutan kerjaya, keluarga dan aktiviti sukarelawan, beliau terus komited menjadi yang terbaik untuk semua.

“Saya pasti ramai ibu bapa di luar sana mahukan anak-anak mereka untuk lebih berjaya daripada ibu bapa mereka.” Walaupun sibuk dengan kerjaya, beliau tidak alpa untuk memberikan bantuan dan sokongan serta dorongan buat anak-anak untuk mengejar impian mereka. Keseimbangan

dari segi kerjaya dan ilmu agama sangat dititik beratkan oleh beliau.

Sepanjang perkhidmatan beliau di FGV, banyak pengalaman menarik yang dilalui oleh Zahir. Antara pengalaman dan pengorbanan yang boleh dikongsi ialah, beliau terpaksa berpindah ke Johor untuk berkhidmat di Delima Oil Products di Pasir Gudang kerana rombakan skop kerja pada waktu itu.

Setahun berjauhan dengan isteri dan lapan orang anak terasa amat memeritkan. Dukanya apabila beliau terpaksa berulang-alik setiap hujung minggu dari Johor Bahru ke Negeri Sembilan untuk menjenguk keluarga yang dirindui semestinya melibatkan kos dan masa.

Keadaan lebih mencabar buat Zahir apabila COVID-19 melanda pertama kalinya, beliau berada di Johor Bahru dan keluarganya berada di Negeri Sembilan. Beliau tidak dapat merentas negeri hampir dua bulan untuk bertemu keluarganya.

“Sungguhpun terpaksa berjauhan daripada keluarga, saya tetap bersyukur dipertemukan dengan orang yang baik-baik sepanjang berada di sana demi menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan”.



# Shell Out Mama Saji



Resepi oleh:  
Nur Amani Sapian  
FGVPM Ladang Laka Selatan 02

## BAHAN-BAHAN:

|                                  |                                               |
|----------------------------------|-----------------------------------------------|
| <b>Bahan A</b>                   | 2 ekor ketam                                  |
| 10 sudu sos tiram Saji           | 1/2 kg siput/lala                             |
| 10 sudu sos cili Saji            | 2 ekor sotong                                 |
| 2 sudu kicap manis Saji          | 400 gm udang                                  |
| 10 sudu minyak masak Saji        |                                               |
| 1 biji bawang besar (dikisar)    | <b>Bahan C (rebus semua bahan dan toskan)</b> |
| 10 tangkai cili kering (dikisar) | Bunga kubis                                   |
| 7 ulas bawang putih (dikisar)    | Lobak merah                                   |
| 2 sudu perencah bihun goreng     | Brokoli                                       |
| 2 sudu perencah ikan bakar       | Jagung                                        |
| 2 sudu perencah asam pedas       |                                               |
| 3 sudu perencah tomyam           |                                               |
| 3 batang serai                   |                                               |

## Bahan B

## CARA PENYEDIAAN:

- Panaskan minyak masak dan tumiskan bahan kisar.
- Masukkan semua bahan A dan kacau sehingga masak.
- Masukkan bahan B dan C, kacau rata sehingga masak.

# Daging Salai Masak Lemak Cili Padi



Resipi oleh:  
Natasha Abd Jalil  
DOP, Pasir Gudang

## BAHAN-BAHAN:

|                               |                                       |
|-------------------------------|---------------------------------------|
| Minyak masak Saji             | 1/2 biji bawang merah (dihiris halus) |
| 300 gm daging salai           | 2 batang serai (dititik)              |
| 2 kotak santan Saji           | Asam keping                           |
| 1 biji bawang merah (dikisar) | Garam gunung Saji                     |
| 7 ulas bawang putih (dikisar) | Serbuk perasa                         |
| 35 biji cili padi             | Semangkuk air                         |
| Halia (dikisar)               |                                       |
| Kunyit hidup (dikisar)        |                                       |

## CARA PENYEDIAAN:

- Panaskan minyak masak, kemudian tumiskan hirisan bawang bersama serai sehingga warna keemasan dan naik bau.
- Masukkan bahan-bahan yang dikisar dan tumiskan sehingga pecah minyak.
- Seterusnya, masukkan asam keping, garam, serbuk perasa, daging salai dan kacau sehati.
- Tambahkan semangkuk air dan biarkan mendidih.
- Masukkan santan ikut kepekatan kuah yang diinginkan.
- Akhir sekali, masukkan hirisan daun kunyit dan kacau sehingga kuah mendidih.

# Tahniah

## PEMENANG PERADUAN FOTO & UCAPAN KREATIF HARI BAPA



Terima kasih Allah masih izinkan dia bersama kami walau Dimensia meragui ingatannya. Selamat Hari Bapa.

**Salmah Mohd Asran**  
FGV Fertiliser



AYAH, merinduimu sangat perit, kehilanganmu menyucuk sanubariku, nasihatmu sentiasa tersemat dihatiku, SELAMAT HARI BAPA AYAH.

**Nurul Nadia Mohd Zainal**  
FGV Transport, Pasir Gudang



Ayah, walau tuturmu kurang, namun keringatmu tak mungkin dapat kami balas.

**Muhammad Hanis Abd Razak**  
FGVPM, Semaring 01



*Special moment* bersama insan terhebatku di alam semesta. Tiada yang kuharapkan melainkan syurga untukmu ayah.

**Sudarman Sudirman**  
FGVH



Saya anak peneroka dan abah adalah bapa yang hebat mendidik lapan cahaya mata sehingga berjaya.

**Mastura Samsudin**  
FGVPM, Gua Musang

*Para pemenang akan dihubungi oleh Jabatan Komunikasi Strategik*

# 10 Produk Makanan FGV Tersembunyi



Cari 10 produk makanan keluaran FGV di dalam gambar tersebut dan hantarkan jawapan anda ke [groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com)

Jawapan yang tepat dan pantas akan memenangi hadiah-hadiah menarik!

Tarikh tutup penyertaan: 8 Julai 2022

